

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

STU 431 - Dasar dan Perancangan Sosial

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan anda mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT daripada enam soalan berikut. Soalan-soalan 1 dan 2 WAJIB dijawab. Setiap soalan mempunyai markah maksimum yang sama.

1. [a] Apa yang dimaksudkan dengan dasar sosial? Sebutkan nama-nama (contoh-contoh) dasar sosial yang terdapat di Malaysia sekarang.
- [b] Apa erti perancangan sosial?
- [c] Mengapa diperlukan perancangan sosial?
- [d] Senaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi penggubalan sesuatu dasar sosial.
- [e] Siapakah golongan yang sering menjadi sasaran sesuatu dasar sosial? Mengapa?

(25 Markah)

2. Terdapat tiga model perancangan sosial yang dibincangkan di dalam kuliah. Jelaskan secara ringkas setiap model tersebut.

(25 Markah)

...2/-

3. Berdasarkan situasi di Malaysia, huraikan perhubungan di antara dasar sosial dengan dasar ekonomi.

(25 Markah)

4. [a] Apa yang anda faham dengan "perancangan berpenyertaan"?

[b] Apakah tujuan-tujuan "perancangan berpenyertaan"?

[c] Apakah kebaikan-kebaikan dan kritikan terhadap perancangan ini?

[d] Adakah perancangan ini sesuai dilaksanakan di Malaysia? Mengapa?

(25 Markah)

5. Sepanjang kursus anda telah didedahkan kepada beberapa dasar dan isu dasar sosial yang penting. Pilih dua daripada dasar atau isu sosial berkenaan dan bandingkan objektif atau matlamat, golongan sasaran, serta kekuatan-kekuatan dan kelemahan-kelemahan mereka.

(25 Markah)

6. Dikatakan bahawa dasar dan perancangan sosial sebenarnya berkisar di sekitar persoalan kemiskinan, ketidaksamaan, atau keadilan sosial di dalam masyarakat. Pada pendapat anda, apakah implikasi-implikasi kemiskinan, ketidaksamaan, atau keadilan sosial terhadap kehidupan bermasyarakat? (Jawapan anda tidak harus melebihi dua halaman).

(25 Markah)